



Graduan MBA IPTK Melakar Sejarah

Menarik di dalam

➤ Pameran Konvensyen Ekonomi Bumiputera (KEB) 2008: Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Y.B Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pengerusi GABEM Melawat Galeri IPTK

➤ IPTK Berjaya Mengeluarkan 24 Graduan MBA

➤ ... Rasmi ke Aceh

➤ ... Rasmi Ke Universiti di Eropah

➤ ... Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah IPTK

➤ ... ntas Lalu Naib Canselor ke IPTK

➤ Wawancara Bersama Ketua Jabatan Akademik, IPTK

HD
31
.F67
2008
a
v2



HD31 .F67 2008 v2



87515867



Sekapur Sireh
DEKAN IPTK

hadrat Allah S.W.T atas nama-sama hidup dalam keadaan

Sayang pembaca FORUM sekalian, sesungguhnya kelahiran Buletin FORUM Edisi Kedua ini telah membuktikan dan mengukuhkan kepada kami seluruh warga IPTK bahawa kerja berpasukan adalah resepi terbaik untuk dirasa bersama. Ini kerana, sepanjang proses penyempurnaan Buletin FORUM ini, saya dapat melihat bahawa sinergi yang terbentuk memberikan kekuatan dan maknanya yang secara tersirat menunjukkan bahawa relevansi IPTK semakin disedari.

Saya mengharapkan maklumat yang disalurkan dalam FORUM ini dapat memberikan pengetahuan mengenai pembangunan keusahawanan kepada para pembaca. Di samping itu, para pembaca juga boleh mengetahui selok belok tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh IPTK dari bulan Mei hingga Ogos 2008.

Akhir kata, saya sebagai Dekan IPTK, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ketua Editor dan semua ahli jawatannya dan komitmen yang diberikan sepanjang penyempurnaan buletin ini. Saya percaya dan yakin bahawa semangat inilah yang akan membentuk momentum kejayaan yang lebih besar.

tankuasa Buletin FORUM di atas semangat kerjasama dan komitmen yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pembangunan IPTK secara amnya dan proses penyempurnaan Buletin FORUM ini khususnya.

Dalam semangat ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Kanan universiti, serta seluruh warga UTeM di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pembangunan IPTK secara amnya dan proses penyempurnaan Buletin FORUM ini khususnya.

Sekian, salam hormat.

Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof

Dekan,
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sireh, Dekan IPTK 2

Suara Hati Ketua Editor 3

Sidang Redaksi 3

Diari Fokus

- Pameran Konvensyen Ekonomi Bumiputera (KEB) 2008: Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Y.B Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pengerusi GABEM Melawat Galeri IPTK 4

- IPTK Berjaya Mengeluarkan 24 Graduan MBA 6

- Lawatan Kerja Rasmi ke Aceh 8

- Lawatan Kerja Rasmi ke Universiti di Eropah 10

- Lawatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti ke IPTK 12

- Lawatan Sepintas Lalu Naib Canselor ke IPTK 13

Diari Personaliti Unggul

- Wawancara Bersama Ketua Jabatan Akademik, IPTK 14

Diari Akademik

- Bengkel Penubuhan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) 16

- Bengkel Pemurnian Penubuhan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) 17

Diari MATDEC

- Kerjasama UTeM - UTM 18

- Mesyuarat MATDEC Bersama Firma Perundingan 19

- Kursus TRAIN THE TRAINER (TTT) 20

Diari Pascasiswazah

- Sesi Taklimat Pelajar Baru MBA oleh Dekan IPTK 21

- Dari Sudut Hati Yang Paling Dalam: Komentar Graduan Terhadap Program MBA IPTK 22

Diari Kelab Kebajikan IPTK

- Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Kelahiran Dekan IPTK 24

- Majlis Doa Selamat Sempena Ulang Tahun Kelahiran Staf, Kepergian Staf IPTK Menyambung Pengajian dan Cuti Tanpa Gaji, Kemasukan Staf Baru serta Perpindahan Staf 25

Diari Rencana

- Kaizen Implementation Tools for SME 27

- Business Strategy and Environmental Approach 28

- ICT-Based Administrative Innovation in The Malaysian Public Sector 32

- The Awareness and The Acceptance of Islamic Pawnshops 34



Suara Hati Ketua Editor

TERIMA KASIH SYAHDU

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sesungguhnya ucapan syukur yang paling dalam dan syahdu adalah kepada Yang Maha Esa kerana mengizinkan kita semua menghirup udara segar, nikmat yang seharusnya menginsafkan kita sebagai hambaNya.

Saya bagi pihak Jawatankuasa FORUM, sekali lagi dalam ruangan yang penuh maksudnya, ingin menyatakan bahawa kami sangat berasa gembira di atas karya ini. Ini semakin hebat dirasakan apabila bermacam cabaran dan rintangan yang telah kami lalui, akhirnya buletin FORUM Edisi Kedua ini mampu dihasilkan dengan penuh bergaya dan bermakna.

Namun, kami sangat percaya bahawa karya dalam FORUM ini akan lebih bermakna sekiranya para pembaca FORUM di luar sana dapat memahami dan menjadikan ia sebagai saluran ilmu dan maklumat yang dapat membantu.

Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih dihulurkan kepada Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof, Dekan IPTK serta Jawatankuasa Buletin FORUM yang komited membidani buletin istimewa ini. Kami

berharap agar isi karya ini diakui penyampaianya bahawa betapa IPTK berusaha menjadi salah satu PTJ yang relevan di UTeM dan masyarakat di sekelilingnya.

Akhir sekali, persembahan dalam karya buletin ini mungkin ada kekurangan dan kelebihannya, tinggi dan rendahnya. Tapi, sebaiknya biarlah karya-karya dalam buletin ini sendiri yang menyampaikan maksudnya. Dengan rendah hati, kami memohon maaf di atas kecacatan yang ada.

Wassalam

Amir Aris
Ketua Editor FORUM

Sidang Ridaksi

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar bin Mohd Yusof

Ketua Editor

En. Amir bin Aris

Editor

Pn. Norhidayah bte. Mohamad

Sidang Editor

Dr. Md. Nor Hayati bin Tahir

En. Mohd Fazli bin Md. Sam

En. Kamarudin bin Abu Bakar

Pentadbiran

En. Akmal Hj. Abdul Manap

Pn. Sa'adiyah bte. A. Aziz

Pn. Ratnasaerah bte. Azis

Rekaletak Grafik

En. Ahmad Masmuliyadi bin Mohd Yusof



Pameran Konvensyen Ekonomi Bumiputera (KEB) 2008: Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pengerusi GABEM Melawat Galeri IPTK


Oleh: Akmal Abdul Manap

Gambar oleh : Amir Aris, Nor Hidayah Mohamad

Bersempena dengan Konvensyen Ekonomi Bumiputera (KEB) 2008 pada 18 hingga 20 Julai 2008 yang berlangsung di Pusat Dangangan Dunia Putra (PWTC), anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM), Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil bahagian bagi mempromosikan program-program akademik dan aktiviti keusahawanan yang ditawarkan oleh IPTK.

Dalam majlis yang sama, Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YB. Dato' Mustapa b. Mohamed dan Y.Bhg. Tan Sri Rahim b. Tamby Chik, Pengerusi GABEM sempat meluangkan masa melihat galeri pameran IPTK.

Petugas Pameran: Dr. Budi Suprpto, Dr. Md. Nor Hayati Tahir, Pn. Edna Buyong, En. Amir Aris, Pn. Norhidayah Mohamad, En. Akmal Abd. Manap dan Muhamad Shahrin Pritam Abdullah



Petugas bergambar bersama Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri



Petugas bergambar bersama Y.B. Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani



Petugas bergambar bersama Y.Bhg. Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi GABEM



IPTK Berjaya Mengeluarkan 24 Graduan MBA

Oleh: Amir Aris

Gambar oleh: Md. Nor Mohamad Saleh

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mencatat sejarah yang paling manis apabila seramai 24 orang graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) telah berjaya menamatkan pengajiannya dengan cemerlang. Lebih membanggakan, penganugerahan ini merupakan penganugerahan pertama kali oleh IPTK UTeM. Majlis Konvokesyen telah diadakan pada 9 Ogos 2008 bertempat di Dewan MITC, Melaka.

Bagi meraikan 24 graduan sulung MBA ini, satu sesi bergambar bersama Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Dekan dan Penyelaras Pascasiswazah IPTK telah diadakan pada 8 Ogos 2008 bertempat di perkarangan Bangunan Canselori. Sesi ini pastinya akan meninggalkan memori terindah sebagai hadiah kepada penat lelah selama hampir dua tahun mengharungi cabaran sebagai seorang pelajar yang rata-rata telah pun berkerja.

IPTK ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 24 orang graduan sulung MBA di atas kejayaan ini dan mendoakan agar kesemua graduan mencapai kejayaan yang lebih gemilang di masa-masa akan datang.





Graduan MBA bergambar kenangan bersama Naib Canselor



Lawatan Kerja Rasmi Ke Aceh

Oleh: Akmal Abdul Manap
 Gambar oleh : Amir Aris

Pada 19 hingga 22 Ogos 2008, IPTK telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam di Taman Ratu Safiatuddin, Nanggroe Aceh Darussalam. Penyertaan IPTK adalah secara bersama dengan lain – lain agensi kerajaan dan swasta dari negeri Melaka. Selain daripada pameran, penganjur juga turut mengadakan seminar dan persembahan kebudayaan yang melibatkan penyertaan negara berketurunan Melayu dan Islam seluruh dunia.

Sambutan terhadap pameran adalah amat menggalakkan. Pameran yang diketuai oleh YBhg Dekan dan dibantu oleh En. Amir Aris dan juga En. Akmal Abdul Manap. Sepanjang pameran pelbagai penerangan dan maklumat yang berkaitan dengan IPTK dan UTeM telah disampaikan.

Ruang pameran IPTK, UTeM juga telah dilawati oleh Yth. Bapak Irwandi Yusuf MSc, Gabenor Nanggroe Aceh dan juga YB. Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam, Ketua Menteri Melaka.

Petugas Pameran: *Y.Bhg. Dato' Prof. Dr Abu Bakar Mohd Yusof, Encik Amir b. Aris dan Encik Akmal Hj Abdul Manap*






Masjid Baiturrahim, Aceh

Masjid Baiturrahman, Aceh



Wakil Gabenor Aceh,
Yth. Bapak Irwandi Yusof





Lawatan Kerja Rasmi Ke Universiti di Eropah

Oleh : Mohd Fazli Mohd Sam

Gambar oleh: Othman Aman, Raja Roslan Raja Abd. Rahman

Pada 22 hingga 28 Jun 2008, satu program Lawatan Kerja Rasmi ke Universiti di Eropah yang disertai oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar bin Mohd Yusof, Dekan Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan, Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Hj. Hanipah bt. Hussin, Pengarah Pusat Pengajaran & Pembelajaran, YM. PM. Dr. Raja Roslan bin Raja Abd. Rahman, Ketua Jabatan MATDEC, IPTK, dan En. Othman bin Aman, Ketua Jabatan Akademik, IPTK.

Lawatan ini bertujuan bagi meluaskan lagi jaringan kerjasama dalam melaksanakan program pendidikan, latihan, penyelidikan dan pembangunan UTeM dengan IPT terkemuka di negara-negara tersebut. Seterusnya lawatan ini dijangka dapat meneroka peluang atau kemungkinan melaksanakan program pertukaran tenaga pengajar, Profesor Pelawat dan pemeriksa tesis, serta penyelidikan bersama di masa akan datang.

Objektif utama lawatan tersebut adalah pertama, pertukaran idea, mengkaji pelaksanaan program, *best-practices* di antara UTeM khususnya IPTK dan IPT terkemuka di negara-negara tersebut. Kedua, bekerjasama mengadakan program latihan dan penyelidikan serta pembangunan teknousahawanan bagi kursus jangka pendek MATDEC dan menimba pengalaman tentang strategi dan pembangunan infrastruktur, dan mengkaji model-model terbaik dalam membangunkan teknousahawanan dan E-Keusahawanan, pengurusan teknologi, pembangunan sumber manusia, dan pengurusan kualiti. Perancangan yang rapi terutamanya dari segi menentukan destinasi lawatan adalah amat penting dalam sesuatu program. Dalam lawatan kali ini, IPTK telah mendapat maklum balas dan bantuan dari universiti-universiti yang ingin dilawati sebulan lebih awal atas kesudian menerima lawatan dari IPTK, UTeM.

Delegasi UTeM telah mengadakan lawatan Ke Universiti of Sterling, Scotland pada 23 Jun 2008. Taklimat dan Perbincangan mengenai Program Keusahawanan antara kedua-dua pihak telah berjalan dengan lancar dan memuaskan. Antara wakil dari Universiti of Sterling, Scotland ialah Prof. Frank Martin, Senior Teaching Fellow Entrepreneurship. Seterusnya, pada 24 Jun 2008, delegasi UTeM telah melawat Hunter Centre of Entrepreneurship, Universiti Strathclyde, Glasgow. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Profesor Dr. Sara Carter dan Colin Bottomley.

Pada 25 Jun 2008, delegasi UTeM telah melawat ke European Centre for TQM, Universiti of Bradford. Taklimat telah disampaikan oleh Profesor Dr. Mohamed Zairi. Seterusnya, pada 26 Jun 2008, delegasi telah melawat ke INSEAD, Paris, taklimat telah disampaikan oleh wakil dari INSEAD iaitu Profesor Agata Halszewska-Figuet, Executive Director INSEAD.

Di akhir perbincangan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meluaskan skop kerjasama terutamanya dari segi pertukaran pelajar, mencadangkan visiting professor, penyelidikan bersama, program pengajian, pemeriksa tesis dan sebagainya. Kedua-dua pihak bersetuju menimbang usaha untuk menandatangani Memorandum Persafahaman bagi membolehkan kerjasama serta aktiviti yang telah dirancang dapat direalisasikan. Delegasi seterusnya dibawa melawat di sekitar kampus dan kemudahan-kemudahan yang sediada.

Program Lawatan Kerja Rasmi ke universiti-universiti Eropah ini telah berjaya membuka ruang rangkaian hubungan universiti yang belum diterokai terutama di Eropah. Secara keseluruhannya, IPTK berjaya mendapatkan rakan universiti yang baru untuk melaksanakan beberapa projek dan program yang telah dirancang untuk memastikan IPTK, UTeM terus unggul di mata dunia.



Lawatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti ke IPTK

Oleh : Akmal Abdul Manap
Gambar oleh : Md.Nor Mohamad Saleh

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah menerima kunjungan istimewa daripada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah serta Pegawai Kanan Universiti pada 5 Jun 2008.


Lawatan yang tidak dirancang ini berlangsung selepas berakhirnya Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti di Pusat Konvensyen, Kampus Bandar. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat perkembangan pembangunan di sekitar Kampus Bandar termasuk di IPTK.

Dekan IPTK, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof telah memberikan penerangan ringkas berkaitan dengan pembangunan IPTK iaitu dari segi infrastruktur, struktur organisasi, perancangan staf dan lain-lain lagi.



Lawatan Sepintas Lalu Naib Canselor ke IPTK

Oleh : Amir Aris
Gambar oleh : Amir Aris



Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah menerima kunjungan sepintas lalu oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Hassan pada 22 Julai 2008.

Lawatan sepintas lalu ini berlangsung selepas berakhirnya taklimat oleh Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Aset kepada YBhg. Naib Canselor mengenai Kampus Bandar. Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat perkembangan pembangunan di sekitar Kampus Bandar termasuk di IPTK.

Dekan IPTK, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof telah mengiringi Y.Bhg. Naib Canselor melawat fasiliti-fasiliti yang ada di IPTK seterusnya memperkenalkan staf-staf IPTK yang telah menanti kedatangan Y.Bhg. Naib Canselor. Pihak IPTK ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Hassan ke IPTK.



Pada keluaran edisi kedua ini, FORUM telah memilih En. Othman Aman, Ketua Jabatan Akademik sebagai tetamu bagi ruangan Personaliti Unggul. FORUM telah berkesempatan mengadakan sesi wawancara untuk membincangkan mengenai pembudayaan keusahawanan.

FORUM:

Untuk tatapan pembaca forum, boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang En. Othman?

En. Othman:

Saya dilahirkan pada tanggal 16 Disember 1955 di Kg. Tedong, Merlimau, Melaka. Saya merupakan anak ke tiga daripada empat orang adik beradik. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Tedong, Merlimau dan kemudian menamatkan pengajian peringkat menengah di Sekolah Menengah Munshi Abdullah, Batu Berendam, Melaka pada tahun 1973. Seterusnya, saya adalah seorang graduan Diploma Pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia, Serdang Selangor pada tahun 1977. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA) di MIT (1998) secara Kajian Luar Kampus (KLK) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) di UKM pada tahun 2003.

FORUM:

En. Othman adalah seorang pemimpin yang berdedikasi dan mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam dunia akademik dan pentadbiran. Bagaimanakah En. Othman memulakan langkah awal dalam bidang kerjaya dan berjaya mengekalkan prestasi cemerlang hingga ke hari ini?

En. Othman:

Kerjaya saya bermula di Jabatan Pertanian, di Kementerian Pertanian di Serdang, Selangor sebagai Pembantu Pertanian pada tahun 1977. Kemudian bertukar ke Jabatan Pertanian, Temerloh, Pahang pada tahun 1981 sebagai Pembantu Pertanian Pembangunan Komoditi dan bertukar ke Jabatan Pertanian Pemeliharaan Tanaman Pulau Gadong, Melaka pada tahun 1984. Seterusnya bertukar ke Jabatan Pertanian Negeri Melaka sebagai Penolong Pegawai Pertanian (1985 – 2003). Semasa bertugas di Jabatan Pertanian, saya diberi peluang mengajar sebagai tutor sambilan di Universiti Pertanian Malaysia, Kolej RISDA dan Institut Kejuruteraan Awam Bangi (IKMAL). Bermula dari Sept 2003 hingga kini, saya telah menyumbang khidmat saya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai Ketua Jabatan Akademik, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK).

FORUM:

Sepanjang perjalanan hidup dalam dunia akademik, boleh En. Othman ceritakan kenangan indah dan resepi untuk mengecapi kejayaan dalam kerjaya?

En. Othman:

Sebagai tenaga pengajar, ilmu merupakan perkara yang sangat penting. Bukan sahaja sekadar mendapatkannya, lebih penting dari itu ialah mengamalkannya. Ilmu serta amal akan memudahkan kita untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar dan juga berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat. Tanggungjawab sebagai guru adalah besar dan amanah untuk melahirkan insan cemerlang di kalangan anak didik



**Wawancara Bersama
Ketua Jabatan Akademik,
IPTK**

Oleh: Mohd Fazli Mohd Sam
Gambar oleh: Amir Aris

harus ditunaikan dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya, ilmu yang bermanfaat akan mampu melahirkan pelajar dan masyarakat yang maju dan membangun.

Rahsia kejayaan seseorang itu adalah berdasarkan kepada corak kepimpinan seorang pemimpin dan kerjasama masyarakat dalam merealisasikan cita-cita dan wawasan negara. Pemimpin yang cemerlang adalah pemimpin yang dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan.

Untuk mengekalkan kejayaan, kita perlu ada wawasan dan berdisiplin di samping dituntut bersikap lemah lembut terhadap rakan tanpa memilih bulu dan tanpa mengambil kira perbezaan pandangan. Seterusnya, kita juga perlu bersikap pemaaf dan sentiasa mendoakan rakan-rakan supaya diberi keampunan Ilahi dan kesejahteraan hidup.

FORUM:

Mengenai dengan topik “Asas Pembudayaan Keusahawanan”, boleh En. Othman ceritakan serba sedikit berkenaan dengan topik tersebut.

En. Othman:

Asas Pembudayaan Keusahawanan bertujuan memberi galakkan kepada pelajar menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan. Ini adalah selari dengan visi kerajaan untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya saing

dan mampu meneroka kekayaan-kekayaan baru. Pelajar-pelajar didedahkan dalam aspek keusahawanan di dalam kelas dan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan sendiri atau berdamping rapat dengan usahawan-usahawan yang telah berjaya. Bagi menjayakan program ini setiap agensi terutama UDA Holdings, Bank Rakyat, MARA, Bank SME, Perbadanan Nasional Bernhard (PNS) dan Yayasan Tekun Nasional menawarkan perkhidmatan terbaik untuk bakal usahawan siswa dengan menyediakan pusat serenti yang meliputi khidmat bimbingan, peluang pembiayaan dan pinjaman serta sokongan berterusan dalam pelbagai aspek yang lain.

Selain membudayakan pelajar merapati dunia perniagaan, program ini terus berlangsung dengan lebih kreatif dan kompetitif melalui pendedahan pelajar kepada peluang-peluang perniagaan. Kini, bakal usahawan siswa boleh menilai potensi dan membuat padanan perniagaan sesuai dengan bidang masing-masing dengan pelbagai sektor yang ditawarkan iaitu herba, perabot, grafik, gas dan petroleum, ladang bersepadu, pembuatan bersepadu, ICT, skim pembangunan vendor dan pelbagai lagi.

Kejayaan membudayakan bidang keusahawanan nanti boleh diukur melalui minat rakyat terutama golongan muda dan siswazah yang kini tidak lagi teruja untuk 'makan gaji' tetapi sudah bersedia menjadi 'tuan' untuk diri sendiri.

FORUM:

Bagaimana penerapan asas pembudayaan keusahawanan dapat diterapkan dalam IPTK itu sendiri?

En. Othman:

Semua pensyarah IPTK diterapkan ilmu Keusahawanan melalui seminar, pameran dan pembentangan kertas kerja. Selain itu, para pensyarah dikehendaki mengajar dan memberi bimbingan subjek keusahawanan kepada pelajar memandangkan subjek ini diwajibkan kepada para pelajar oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Usaha ini akan dapat meningkatkan ilmu keusahawanan kepada para pensyarah bagi mengaplikasikan budaya keusahawanan kepada pelajar sebagai kerjaya pilihan.

FORUM:

Sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada pihak IPTK dan fakulti yang lain, satu pertandingan Rancangan Perniagaan akan diadakan di peringkat UTeM dan kepada kumpulan yang menang akan mewakili UTeM ke peringkat kebangsaan. Boleh En. Othman ceritakan berkenaan pertandingan tersebut?

En. Othman:

Pertandingan pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar adalah usaha dan galakkan dari pihak *The Multimedia Development Corporation (MDeC)* yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pertandingan di peringkat kebangsaan yang melibatkan seluruh IPTA/IPTS. Bagi mencari wakil UTeM ke peringkat kebangsaan, IPTK merupakan pusat yang bertanggungjawab memilih wakil UTeM dengan menganjurkan pertandingan peringkat UTeM. IPTK telah mengadakan dua kali pertandingan peringkat UTeM dan telah menghantar wakil ke peringkat kebangsaan.

Objektif Pertandingan;

1. Membudayakan Teknoshawanan di Pusat Pengajian Tinggi.
2. Memberi pendedahan dan pengetahuan sebagai langkah menjadi teknoshawanan yang berjaya.
3. Menggalakkan pelajar dan para penyelidik yang terdiri pelbagai bidang untuk berkongsi idea perniagaan dalam satu pasukan
4. Melahirkan idea yang komersil & Hak Intelektual bagi pembangunan ICT dan SMEs.

Skop pertandingan terdiri dari idea perniagaan dan rancangan perniagaan yang ada hubung kait dengan Komunikasi Maklumat dan Teknologi (ICT) atau Bio – Informatics.

Kategori dan syarat Pertandingan adalah seperti berikut :-

A). Pertandingan Idea Perniagaan (BIC)

- Idea yang komersil – tidak melibatkan produk dan prototype
- Terbuka kepada semua pelajar ijazah pertama
- Setiap kumpulan terdiri daripada maksimum 3 orang peserta ijazah pertama (boleh campur dari fakulti lain)
- Tidak memerlukan rancangan kewangan

B) Pertandingan Rancangan Perniagaan (BPC)

- Produk dan prototaip yang komersil
- Terbuka kepada pelajar undergraduate dan postgraduate, penyelidik, akademik dan bukan akademik.
- Setiap kumpulan terdiri dari maksimum 4 orang (boleh campur semua bidang)
- Rancangan kewangan wajib
- Peserta perlu membawa Produk/prototaip semasa persembahan.
- Penghakiman berdasarkan aspek teknikal, pemasaran, saluran pemasaran, jangkaan pasaran dan rumusan.

FORUM:

Apakah harapan En. Othman tentang pembangunan IPTK pada masa akan datang?

En. Othman:

Saya berharap agar IPTK akan terus maju melalui komitmen dan kesungguhan warga IPTK melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.



Bengkel Penubuhan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)

Oleh: Norhidayah Mohamad
Gambar oleh: Md. Nor Mohamad Saleh

Selaras dengan hasrat UTeM untuk menubuhkan sebuah fakulti yang berasaskan Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, satu Bengkel Penubuhan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan atau nama ringkasnya FPTT telah diadakan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK). Pensyarah IPTK telah terlibat dalam bengkel selama dua hari yang dijalankan pada 4 dan 5 Julai 2008. Bengkel ini merupakan inisiatif Jabatan Akademik untuk menghasilkan kertas cadangan penubuhan FPTT. Pensyarah yang terlibat begitu komited dalam memastikan kertas kerja penubuhan fakulti ini dapat disempurnakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Setelah bertungkus lumus selama dua hari, semua pensyarah yang terlibat telah dapat menyempurnakan tugas masing-masing dan gabungan kesemua bahagian telah dilakukan bagi menghasilkan sebuah kertas kerja yang lengkap.



Di akhir bengkel ini, satu cadangan kertas kerja penubuhan fakulti yang baru telah dapat disiapkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Bagi memantapkan lagi kertas kerja ini, satu bengkel pemurnian fakulti akan diadakan bagi memantapkan lagi kertas kerja yang telah dihasilkan.



Bengkel Pemurnian Penubuhan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)

Oleh: Norhidayah Mohamad
Gambar oleh: Amir Aris

Rabu, 13, 14 Ogos 2008, satu Bengkel Pemurnian Penubuhan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan atau lebih dikenali dengan FPTT telah di adakan di Hotel Royal Bintang, Seremban. Bengkel ini dikendalikan oleh Jabatan Akademik, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) di bawah penyeliaan En. Othman Aman sebagai Ketua Jabatan Akademik. Bengkel pemurnian ini merupakan kesinambungan daripada bengkel penubuhan fakulti yang telah diadakan sebelum ini. Ianya berlangsung selama dua hari dan seramai 11 orang peserta yang terdiri daripada Dr. Budi Suprpto, Dr. Md. Nor Hayati Tahir, En. Othman Aman, En. Amir Aris, En. Amiruddin Ahamad, En. Mohd Fazli Mohd Sam, En. Akmal Abd. Manap, Pn. Azrina Othman, Pn. Mariam Miri Abdullah, Pn. Norhidayah Mohamad dan Cik Sitinor Wardatulaina Mohd Yusof. Sepanjang bengkel ini berlangsung, Y.Bhg. Dekan IPTK, Dato' Prof. Dr. Abu Bakar bin Mohd Yusof telah turut bersama-sama menyumbangkan idea dalam memurnikan kertas cadangan penubuhan fakulti baru ini.

Bengkel pemurnian fakulti baru ini lebih memberi tumpuan kepada aspek penyusunan semula kandungan dalam kertas kerja cadangan serta membuat penyemakan terperinci bagi merealisasikan penubuhan FPTT di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan dapat membuahkan hasil yang dapat menyumbang ke arah kecemerlangan universiti.



Kerjasama UTeM - UTM

Oleh : Kamarudin Abu Bakar
Gambar oleh: Amirudin Ahamat

UTeM dan UTM, masing-masing melalui IPTK dan SPACE telah berjaya memeterai satu program kerjasama pada 20 Mei 2008 yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat IPTK, UTeM bagi melaksanakan program usaha sama penganjuran Seminar APCMOTTEE 2008 yang bakal diadakan pada 28 dan 29 Oktober, 2008 di Hotel Equatorial, Melaka.

Persidangan APCMOTTE 2008 yang bertemakan perkongsian pengalaman, pembangunan jaringan dan penyebaran maklumat berkaitan pengurusan teknologi dan teknologi keusahawanan ini mempunyai beberapa matlamat untuk dicapai, iaitu, menganalisa prinsip, peranan, status dan sasaran masa depan dan cabaran yang perlu diharungi, membincangkan cara-cara bagi meningkatkan daya saing Malaysia dan bagi menjamin ketahanan pembangunan dan mencadangkan agenda untuk kajian dan aplikasi masa depan di Malaysia dan juga Negara-negara Asia Pasifik yang lain.

Pada dasarnya, mesyuarat ini telah membincangkan beberapa agenda penting khususnya yang berkaitan dengan peranan yang perlu dimainkan oleh kedua-dua pihak penganjur-bersama tersebut. Di antara tugas utama yang telah dipersetujui yang perlu digalas oleh pihak IPTK termasuklah dari aspek logistik, protokol dan penempatan bagi pembentang kertas kerja dan peserta seminar. Pihak SPACE pula dipertanggungjawabkan dari segi kos penganjuran persidangan dan pemilihan pembentang kertas kerja; manakala kedua-dua IPTA ini juga akan bergandungan dalam usaha mendapatkan penajaan serta menjalankan program pemasaran bagi memenuhi kuota peserta yang dijangka akan menghadiri program berkenaan kelak.

Mesyuarat kali kedua bagi persidangan usaha-sama APCMOTTE 2008 ini telah menyusul pada 17 Jun 2008 tetapi kali ini ia telah diadakan di Bilik Mesyuarat SPACE-UTM, Skudai, Johor. Lokasi mesyuarat yang dibuat secara timbal-balik ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim dan bagi memberi peluang delegasi kedua-dua pihak untuk mengenali secara lebih dekat fungsi IPTK dan SPACE di IPTA masing-masing agar dapat mengukuhkan lagi jambatan bagi melaksanakan program-program usaha-sama yang sepertinya di masa-masa yang akan datang. Perkara-perkara utama yang telah disentuh dalam perjumpaan ini termasuklah berkaitan pelan tindakan untuk memuktamadkan abstrak bagi pembentang kertas kerja, agenda perasmian dan penutup seminar, serta status hasil pemasaran peserta seminar di mana sehingga hari ini sasaran yang telah berjaya dicapai adalah disekitar 70% (maklumat dikemaskini pada pertengahan Ogos 2008).



Mesyuarat MATDEC Bersama Firma Perundingan

Oleh : Md. Nor Hayati Tahir
Gambar oleh : Budi Suprpto

Satu mesyuarat di antara Pusat Pembangunan Teknousahawanan Malaysia (MATDEC) bersama pihak firma perundingan telah diadakan pada 7 Ogos 2008 di Bilik Mesyuarat Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK). Seramai 13 jururunding yang memegang berbagai jawatan di firma perundingan telah hadir ke mesyuarat tersebut. Mereka yang hadir bukan sahaja dari sekitar Melaka malahan ada juga yang hadir dari luar Melaka. Mesyuarat ini diadakan sebagai salah satu strategi untuk mewujudkan sinergi di antara MATDEC-Firma Perundingan berkaitan dengan modul-modul latihan kepada industri dan orang awam. Sebanyak 27 modul latihan telah diluluskan oleh Senat UTeM untuk dijalankan oleh MATDEC dalam usaha menggalakkan aktiviti-aktiviti keusahawanan di seluruh negara.



Kursus **TRAIN THE TRAINER (TTT)**

Oleh : Mohd Fazli Mohd Sam

Gambar oleh : Amir Aris

Pusat Pembangunan Teknousahawan Malaysia (MATDEC), Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) telah menganjurkan Kursus Train The Trainer (TTT) yang pertama di Hotel Quality, Kuala Lumpur pada 26 hingga 30 Mei 2008. Seramai 20 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut yang terdiri dari staf UTeM dari pelbagai PTJ. Kursus ini telah dikendalikan oleh Info Resources System Sdn. Bhd, sebuah syarikat perunding yang didaftarkan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Majlis ini telah dirasmikan oleh Dekan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) iaitu Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof dan penceramah yang mengendalikan bengkel tersebut adalah En. Eugene Tan. Bengkel ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek penting dalam menjalankan sesuatu latihan berstruktur serta melakukan penilaian terhadap keperluan latihan. Selama 5 hari kursus ini dijalankan, peserta telah dapat menguasai ciri-ciri jurulatih yang kompeten, memahami asas-asas pembelajaran dewasa dan kaedah penyampaian latihan yang efektif, melakukan analisa keperluan latihan, mereka bentuk program latihan berasaskan kompetensi dan menguasai kaedah penyampaian latihan yang berkesan.

Komitmen dari semua peserta adalah amat memberangsangkan dan semua peserta yang menghadiri bengkel pada kali ini telah kompeten dan lulus dengan jayanya. Sijil telah dikeluarkan oleh pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Kursus ini akan diteruskan untuk kali kedua iaitu telah diadakan pada 25 hingga 29 Ogos 2008 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

Kesimpulannya, Y.Bhg. Dekan IPTK melahirkan rasa sangat berpuas hati terhadap isi kandungan program serta penyertaan peserta. Beliau berharap agar para peserta dapat memanfaatkan ilmu yang diberikan sebaik mungkin daripada program ini. Tahniah kepada semua peserta.



Sesi Taklimat Pelajar Baru MBA oleh Dekan IPTK

Oleh : Amir Aris

Gambar oleh : Amir Aris

Satu sesi taklimat pelajar baru MBA telah diadakan pada 21 Julai 2007 di Bilik Kuliah 3, IPTK, UTeM. Taklimat ini telah disampaikan oleh Dekan IPTK, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof disertai oleh semua tenaga pengajar program MBA. Seramai 14 orang pelajar baru telah mendaftar pada Trimester Julai 2007 dan taklimat ini telah diadakan pada hari pertama perkuliahan mereka.

Dalam taklimat Y.Bhg. Dekan, beliau telah menjelaskan mengenai cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh seorang pelajar sarjana yang sememangnya berbeza dengan pelajar-pelajar ijazah pertama. Di samping itu, Y.Bhg. Dekan juga telah menyentuh sistem yang digunapakai dalam pelaksanaan program ini secara ringkas.

Selepas selesai sesi taklimat oleh Y.Bhg. Dekan IPTK, semua pensyarah telah memperkenalkan diri masing-masing dan memberi kata perangsang kepada pelajar-pelajar untuk *survival* dalam program MBA ini. Sesi diakhiri dengan taklimat yang telah disampaikan oleh Penyelaras Pascasiswazah IPTK, En. Amir Aris mengenai perjalanan program MBA keseluruhannya.

Diharapkan taklimat ini telah memberikan keyakinan kepada para pelajar untuk meneruskan program MBA ini dengan keyakinan yang kuat. Semoga berjaya!



Dari Sudut Hati Yang Paling Dalam: Komentaar Graduan Terhadap Program MBA IPTK



"Program MBA IPTK cukup mencabar dan berkualiti. Tapi saya selesa kerana IPTK sangat fleksibel"

Haryaty Hamdzah



"Saya berbangga kerana menjadi graduan sulong MBA IPTK, saya yakin akan lebih ramai lagi rakan-rakan di luar sana mengikuti program ini"

Noor Faiezah Yaakop



"Program ini merupakan semangat saya untuk lebih berjaya. 2 tahun saya berusaha, kini saya lebih berkeyakinan untuk menghadapi cabaran hidup"

Khairulniza Yahya



"Be more knowledgeable person with special MBA in IPTK"

Anuar Senin



"Great people comes from great places"

Nurul Aini Md. Rais



"MBA di IPTK mempunyai tahap kualiti yang baik dari segi tenaga pengajar, kemudahan dan pengurusannya"

Juan Rizal Sa'ari



"IPTK adalah pencetus semangat saya untuk melanjutkan pengajian saya ke peringkat PhD"

Noor Akmal Abdul Wahab




"Nothing is impossible, sacrifice is nothing compare with success"

Mansur Md. Yusuf



"Cabaran yang hebat menghasilkan kejayaan yang cemerlang"

Mohd Sufian Ab. Kadir



Knowledge is power, IPTK produced power persons"

Hasan Saleh



Terima kasih IPTK, terima kasih UTeM kerana memberi peluang untuk saya merasai kejayaan. Apa tunggu lagi, mohonlah program MBA di IPTK sekarang!!! JOM KONVO

Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Kelahiran Dekan IPTK

Oleh : Ratnasaerah Azis
Gambar oleh : Amir Aris

Tarikh 6 Jun 2008, meninggalkan kenangan manis kepada Dekan IPTK, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar, keluarga serta seluruh warga IPTK. Satu majlis kesyukuran telah diadakan di Pejabat IPTK bagi meraikan detik bermakna bagi seorang insan yang bernama Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Mohd Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh En. Amir Aris, Penyelaras Pascasiswazah IPTK seterusnya ucapan oleh Pengerusi Kelab iaitu Pn. Edna Buyong. Y.Bhg. Dekan dalam ucapannya menyatakan rasa syukur di atas nikmat kesihatan yang dikurniakan dan memberikan setinggi penghargaan kepada seluruh warga IPTK di atas penganjuran majlis ini.

Majlis ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh Pengerusi Kelab kepada Y.Bhg. Dekan IPTK dan jamuan.



Majlis Doa Selamat Sempena Ulang Tahun Kelahiran Staf, Kepergian Staf IPTK Menyambung Pengajian dan Cuti Tanpa Gaji, Kemasukan Staf Baru serta Perpindahan Staf

Oleh : Sa'adiyah A. Aziz

Gambar oleh : Akmal Abdul Manap

1 Julai 2008

Diari
KELAB KEBAJIKAN IPTK

Pada 1 Julai 2008, Kelab Kebajikan IPTK telah mengadakan majlis doa selamat sempena meraikan hari kelahiran staf IPTK yang bermula dari Januari 2008 hingga Jun 2008 di pejabat IPTK. Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mahadi Abu Hassan, Pengarah Pusat Islam, UTeM seterusnya ucapan oleh Pengerusi Kelab, Pn. Edna Buyong.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan meraikan salah seorang staf IPTK iaitu Pn. Murzidah Ahmad Murad yang akan melanjutkan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah di RMIT University, Australia, serta meraikan salam perpisahan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Dr. Mulyaningrum yang telah tamat tempoh kontraknya di UTeM pada 3 Jun 2008.

Di samping itu, pihak IPTK sangat mengalu-alukan kemasukan pensyarah baru iaitu En. Mohd Fazli Mohd Sam, dan En. Kamarudin Abu Bakar. Semoga ahli keluarga baru IPTK ini dapat menyumbangkan seberapa banyak idea dan tenaga dalam membangunkan IPTK keseluruhannya.





7 Ogos 2008



Satu majlis doa selamat telah diadakan pada 7 Ogos 2008, jam 1 tengah hari di Bilik Mesyuarat IPTK. Majlis ini bertujuan bagi meraikan staf yang akan melanjutkan pengajian, staf cuti tanpa gaji, staf yang bertukar dan staf baru di IPTK. 3 orang staf akademik yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D iaitu Puan Mariam Miri bt. Abdullah (University of Paris-Est.), Puan Azrina bt. Othman dan Cik Sitinor Wardatulaina bt. Mohd. Yusof (University of Autonoma Barcelona, Sepanyol).



Majlis ini juga turut meraikan Puan Nor Ratna bt. Masrom yang akan bercuti tanpa gaji kerana mengikut suami melanjutkan pengajian ke luar negara mulai 25 Ogos 2008 hingga 2011. Di kesempatan ini juga seluruh warga IPTK mengucapkan selamat maju jaya kepada Puan Norasmara bt. Mahmud yang bertukar ke Pejabat Canselori pada 21 Ogos 2008.



Selamat datang kepada Dr. Md. Nor Hayati bt. Tahir, Pensyarah DS51 dan Puan Hj. Sa'adiyah bt. A. Aziz, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang baru menganggotai IPTK. Harapan IPTK agar keluarga baru IPTK dapat bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam membangunkan IPTK ke mercu kejayaan.



Kaizen Implementation Tools for SME

Kamarudin Abu Bakar
Institute of Technology Management and Entrepreneurship
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
kamarudin@utem.edu.my

According to Hodgetts (1996), all enterprises regardless of size and financial states, are involved in the quality revolution. Small organizations, for example suppliers to large organisations, are experiencing increased demands concerning quality, productivity and flexibility of their products and services (Huxtable, 1995). As such, implementing process management within small enterprises could be inflicting these factors (Garvare, 2000).

Many organizations tend to operate in a traditional management way, a problematic style that often leads to a "one dimensional" communication, inefficient use of organizational resources, and overall poor performance. Hence, the continuous improvement process should effectively help employees to get involved in building and strengthening the organization by getting rid of the fears that keep them from giving their best.

Kaizen is a Japanese word for "continuous improvement". Its purpose is to eliminate waste from businesses (i.e. any activity that add cost but do not add value). In other words, that could mean "to take it apart and put back together in a better way", and to be followed by standardization of this "better way" in tasks being carried out in the workplace.

One of the most important aspects of Kaizen is suggestion system. In the 70's, the Western businessmen visited Japan to learn about the system and then immediately implemented their company's suggestion system or even opted to start quality control circles (QCC).

It is always important to understand that each company has its own approach towards suggestion system. Generally, Kaizen application is categorized in three ways:

- (i) Suggestion system only (by individuals), or
- (ii) QCC only, or
- (iii) Suggestion system plus QCC.

Unfortunately, many companies undertaking such programs have failed to successfully institutionalize the suggestion system. The main reason for this is because of the misunderstanding between the typical Japanese system and the application of Kaizen in their existing workplace systems. The differences have ended-up in confusion and also some conflicts.

When practicing Kaizen with other systems of a company, it is very critical to ensure that these systems are compatible with each other. Thus, the main attention must be balanced towards the process improvement and thus the outcomes enhancement. It is important to promote small improvements that focus on improving one's own work area especially in the areas of safety, quality, productivity, etc.

In a suggestion system, employees are monetarily reward or recognize for their creativity or innovative ideas contributed to the company. As such, companies should pay more attention to the efforts their employees put into their kaizen process rather that the results produced. If an individual or group have come up with an idea that has a cost-saving element, they should be rewarded accordingly. When the idea after some time seems to have worked (or even if the idea is not adopted by the company), the superior should ask the subordinate to complete the suggestion form and submit it for monetary reward.

For example, Toyota is well-known as one of the leaders in using Kaizen. In 1999 at one of its USA plant, 7,000 Toyota employees submitted over 75,000 suggestions, of which 99% were implemented.

Japanese companies give small rewards for every suggestion that has been contributed and even more rewards if it is implemented. This is done quickly so employees could see that all their efforts are appreciated right away. Remember, even if the majority of the individual suggestions do not have much economic impact, but collectively they do.

In short, these continual but small improvements add up to major benefits that improved productivity, improved quality, better safety, faster delivery, lower costs, and greater customer satisfaction. On top of these benefits to the company, employees working in Kaizen-based companies generally would find their work to be easier and more enjoyable-resulting in higher employee morale, job satisfaction, and lower turn-over.

References:

- Gavare, R. (2001), "Process Management In Small Organisations – Experiences of A Swedish Study", *Quality Improvement, Proceedings of the 6th TQM World Congress, Saint Petersburg*, pp. 131-139.
- Hansson, J. (2001), "Implementation of TQM In Small Organisations – A Case Study In Sweden", *Quality Improvement, Proceedings of the 6th TQM World Congress, Saint Petersburg*, pp. 131-139.

Business Strategy and Environmental Approach

Budi Suprpto
Institute of Technology Management and Entrepreneurship
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
budis@utem.edu.my

ABSTRACT

The purpose of this paper is to explore the pattern of relationships between business strategy and environmental approach and to identify the environmental typology. This paper is written based on the mail-survey study of 83 firms in Indonesian chemical industry. Using factor analysis, the study found three environmental approaches: prevention, information and correction. Using cluster analysis, the sample firms can be grouped into five categories as environmental typology: non-compliance (20 firms), compliance (14 firms), compliance-plus (11 firms), excellence (13 firms), and leading edge (24 firms). Empirical finding from regression analyses suggested that the relationship between business strategy and environmental approaches was found. Business strategy has a significant and positive relationship with prevention approach and information approach.

Keyword: Business Strategy, Environmental Approach, and Environmental typology.

Introduction

